

Generasi muda berpendapatan tinggi perlu bayar cukai

BERITA HARIAN (21/6/2022) page 17

Kuala Lumpur: Bajet Kerajaan Persekutuan 2022 yang disediakan Kementerian Kewangan melaporkan, kutipan cukai pendapatan adalah sumber kewangan tertinggi negara, iaitu 35.7 peratus berbanding sumber lain.

Dengan sumber kewangan itu, kerajaan menggunakannya untuk perbelanjaan pembangunan dan mengurus negara.

Jika semua pihak termasuk generasi muda yang layak membayar cukai pendapatan menjadi pembayar cukai bertanggungjawab, lebih banyak cukai pendapatan dapat dikutip dan memberi lebih banyak manfaat kepada rakyat.

Kerajaan sudah mengeluarkan peruntukan besar demi memastikan kemakmuran negara dan rakyat.

Ini termasuk ketika negara dilanda wabak COVID-19, kerajaan mewujudkan fasiliti bagi merawat pesakit COVID-19 selain pemberian bantuan khas kerajaan seperti Bantuan Khas COVID-19 dan Geran Khas Prihatin hasil daripada cukai pendapatan.

Cukai pendapatan individu ke atas perniagaan bukan hanya kepada yang berniaga secara tetap atau sambil, konvensional atau dalam talian, malah, profesion seperti doktor yang membuka klinik sendiri, peguam yang memiliki firma guaman

Jom Klik Hasil eFiling
MUDAH | TEPAT | SELAMAT
1 Jun 2022 - 30 Jun 2022
Menjalankan perniagaan

atau akauntan dengan firma perakaunan sendiri juga turut dikenakan cukai.

Ini termasuk pengengaruh (influencer) yang turut dikenakan cukai di bawah kategori Individu Berpendapatan Perniagaan.

Kerjaya sebagai pengengaruh di media sosial bukan sesuatu yang baharu kerana ramai generasi muda mula berkecimpung dalam bidang itu dan mampu meraih pendapatan sehingga lima angka sebulan.

Berdasarkan kajian oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada 29 Disember 2020, hampir 90 peratus rakyat Malaysia mempunyai telefon pintar dan akses kepada internet.

Justeru, ia memberi idea kepada syarikat atau perniagaan untuk mempromosikan produk secara dalam talian yang lebih dekat dengan pengguna serta murah berbanding pengiklanan di media cetak, radio dan televisyen.

Ia kemudian disusuli dengan

kerjasama antara syarikat dan pengengaruh yang turut dikenali sebagai 'Instafamous', 'You-tuber' atau 'Tiktokers' untuk mengiklankan produk.

Pengaruh yang selalunya mempunyai pengikut yang ramai, kebiasaannya menerima bayaran lumayan daripada pengiklanan berkenaan.


Pendapatan berkenaan dikenakan cukai dan mereka perlu mendaftar dengan HASiL sebagai pembayar cukai.

Oleh itu, tidak salah untuk generasi muda memiliki minat memulakan perniagaan sendiri kerana kemahiran dalam sesuatu perniagaan yang dipilih serta kecekapan dalam dunia digital antara faktor kejayaan.


Jadi, tidak salah keuntungan perniagaan tersebut dikongsi bersama melalui cukai yang dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL).

Bagi yang sudah layak membayar cukai, mereka perlu mendaftar fail cukai pendapatan di <https://edaftar.hasil.gov.my/>

DARI MANA DATANGNYA



KE MANA DIBELANJAKAN



Nota: Anggaran hasil dan pendapatan tidak termasuk Akauntan dan 333 Kumpulan Wang COVID-19 dan Bantuan Khas Langkau Langkau sebagai Bagi Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2021/2022. Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

menggunakan Borang Pendaftaran 'Online'.

Untuk melaporkan cukai pendapatan perniagaan dan bayar cukai bagi tahun 2021 boleh lakukan di <https://mytax.hasil.gov.my/>.

Bagi pengguna e-Filing, mereka boleh melapor dan membayar cukai pendapatan sehingga 15 Julai ini iaitu tambahan masa yang

diberikan oleh HASiL.

Bagi yang kurang faham mengenai cukai, mereka boleh mendapatkan khidmat nasihat percukaaian menerusi sesi taklimat oleh HASiL sama ada secara bersemuka di premis sendiri atau secara dalam talian menggunakan webinar dengan menghantar permohonan menerusi e-mel ke taxeducation@HASIL.GOV.MY.